



PELAN TRANSFORMASI HAL EHWAL AGAMA MENUJU MALAYSIA MADANI (AL-FALAH) 2023 - 2027



YADIM
YAYASAN HADIS ISLAMIAH MALAYSIA



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA



JAPENS WP



MAIWP



JKSM



JAKIM



JAWHAR



MAJLIS SYURAH ISLAM MALAYSIA



MAJLIS SYURAH ISLAM MALAYSIA



TABUNG HAJI

TABUNG HAJI



TV ALHIJRAH



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YPEIM)

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)
KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM
RINGKASAN EKSEKUTIF

Bab 01

PENDAHULUAN

Pengenalan
Agensi YB Menteri di JPM (HEA)
Fungsi Agensi

Bab 02

SENARIO PERSEKITARAN

Pihak-Pihak Berkepentingan
Pelanggan
Isu dan Cabaran

Bab 03

HALA TUJU STRATEGIK

Visi
Misi
Nilai Bersama

Bab 04

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

Teras 1: Pentadbiran Islam Mampan
Teras 2: Kesejahteraan Insan
Teras 3: Kemuliaan Syariah
Teras 4: Kepimpinan Berdaya Cipta
Teras 5: Kehormatan Institusi Islam

Bab 05

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

Mekanisme Pelaksanaan
Elemen Penentu Kejayaan
Penutup



Perutusan

YB MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)

YB Senator Dato' Setia
Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar

PERUTUSAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Saidina Ali R.A. pernah berpesan: Kebatilan yang terancang mampu mengalahkan kebenaran yang tidak terancang.

Pesanan Khalifah Ar-Rasyidin yang keempat ini mengingatkan kita semua akan peri pentingnya merancang hala tuju dan menggubal strategi demi memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan hal ehwal Islam yang berterusan.

Alhamdulillah, sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga kini, landskap pengurusan hal ehwal Islam telah mengalami pelbagai perubahan di peringkat Persekutuan dan Negeri seiring dengan cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi.

Terkini, Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI atau dikenali sebagai Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) telah dihasilkan sebagai dokumen induk yang merangkumi perancangan utama kesemua agensi bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2023 hingga 2027. Al-Falah yang diasaskan daripada semangat *Hayya ála-al Falah* mengajak setiap orang Islam untuk bersama menuju kejayaan berlandaskan al-Quran dan Sunnah. PTF menggariskan 5 Teras Strategik, 10 Fokus dan 5 Nilai gerak kerja yang mana setiap teras diperincikan strategi dan program yang komprehensif bagi menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan sosio-ekonomi individu Muslim serta kesejahteraan sosial masyarakat. Selain itu, keberhasilan PTF akan membentuk warga dan institusi HEA yang berintegriti serta berwibawa dalam memberi khidmat bakti, memakmur pertiwi dan membangun Malaysia MADANI.

Syabas dan *jazakumullahukhayran kathiiran* kepada seluruh warga agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama-JPM HEA) dan JAKIM selaku penyelaras bagi menghasilkan dokumen PTF ini. Harapan saya kesemua 14 agensi di bawah JPM HEA akan istiqomah dan tekun berusaha menterjemahkan perancangan ini ke dalam bentuk pelaksanaan tindakan yang efisien dan efektif bagi memastikan tercapainya kegemilangan tamadun ummah.

Sekian, terima kasih.
PELAN

Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023 – 2027 ini dapat direalisasikan berkat kesatuan tenaga, semangat kerja sejiwa dan sumbangan idea daripada semua pihak.

Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) ini merupakan dokumen dasar yang menjadi rujukan utama mengenai hala tuju, perancangan dan pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan yang secara langsung ke arah merealisasikan agenda nasional untuk satu jangka masa yang panjang. Saya yakin, pemantauan secara berkala mampu memastikan pelaksanaan projek berjalan seperti yang dirancang dan diurus dengan tatakelola yang teratur dan cekap. Hal ini akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap peranan dan fungsi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Justeru, peranan dan tanggungjawab agensi agama sebagai penyelaras pengurusan hal ehwal agama di peringkat Persekutuan terus diperkasakan bagi mendepani cabaran yang semakin kompleks.

Akhir kata, kita semua yang bernaung di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) adalah penentu kepada kejayaan PTF 2023-2027. Besarlah harapan saya untuk melihat semangat, komitmen dan kerjasama yang telah terbina diteruskan dengan penuh keikhlasan dan lebih padu lagi agar usaha dan kerja keras kita dalam membangunkan agenda nasional ini akhirnya akan beroleh kejayaan.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI 2023-2027 atau dikenali sebagai Pelan Transformasi Al-Falah (PTF) merupakan dokumen panduan yang dinamik dalam menetapkan hala tuju 14 agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) secara terancang dan bersasar bagi mencapai objektif dan sasaran untuk tempoh lima (5) tahun. PTF ini digubal selaras dengan visi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menjadi peneraju pengurusan hal ehwal Islam dan kesejahteraan Malaysia MADANI.

PTF ini dirancang dan dihasilkan selari dengan perubahan semasa dasar Kerajaan dan pendekatan baharu melibatkan Malaysia MADANI, Maqasid Syariah, Agenda Pembangunan Mampan 2030, Pelan Anti Rasuah Nasional serta lain-lain dasar yang berkaitan. Perkara ini adalah penting bagi memastikan penyelarasan dan kesinambungan yang holistik dan berkesan ke arah mengoptimumkan keberhasilan program. Bagi merealisasikan visi JPM HEA, sebanyak 5 Teras Strategik telah dirancang berpacuan 5 Nilai Bersama seperti ringkasan di bawah:



Pelaksanaan PTF ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi memastikan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran lebih berkesan seterusnya mencapai keberhasilan yang digariskan.



- Pengenalan
- Fungsi Agensi-Agensi Agama di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Masjid Negara Kuala Lumpur



PENGENALAN

Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) 2023-2027 merupakan rangka kerja strategik agensi-agensi di bawah JPM (HEA) selaras dengan Rancangan Malaysia dan dasar sedia ada negara ke arah membina kegemilangan tamadun ummah menuju Malaysia MADANI. Dokumen ini menjadi rujukan kepada organisasi pengurusan hal ehwal Islam demi pelaksanaan fungsi masing-masing secara sistematik dan berkesan berdasarkan kepada strategi dan pelan tindakan diolah bersama.

Selari dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan yang jelas termaktub di dalam perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, agensi hal ehwal Islam merupakan komponen yang teramat penting untuk menjaga martabat agama Islam dan umatnya. Dengan latar belakang dan fungsi setiap 14 agensi yang berbeza, diharap PTF yang dibangunkan ini akan menjadikan agensi-agensi agama lebih efisien dan bergerak secara sinergi ke arah pencapaian visi utama JPM (HEA) iaitu peneraju pengurusan hal ehwal Islam demi kesejahteraan dan pembangunan ummah.

***“Pelan Transformasi Al-Falah
digubah berasaskan semangat
‘Hayya ‘ala al-Falah’
membawa maksud mari
bersama menuju kejayaan
yang menjadi laungan azan
solat fardhu...”***

YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im
Bin Haji Mokhtar, Menteri Di JPM (HEA)
Perhimpunan Agensi-Agensi di Bawah
YB Menteri di JPM (HEA) pada
31 Januari 2023

PROFIL DAN FUNGSI AGENSI-AGENCI AGAMA DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)



DEPARTMENT OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
MINISTRY OF EDUCATION



Yayasan Waqaf Malaysia



JAPENS WP



TABUNG HAJI



TV ALHIJRAH



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA



YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
 Blok A dan Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
 No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
 62100 Putrajaya
 No. Telefon : 03-8870 7000
 No Faks : 03-8870 7003

VISI

Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia.

MISI

Memperkuhkan Tadbir Urus Hal Ehwal Islam Melalui Pendekatan Rahmah ke Arah Kesejahteraan Ummah.

FUNGSI

1. Bertanggungjawab sebagai perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan Hal Ehwal Islam di negara ini;
2. Merangka dasar bagi pembangunan Hal Ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam;
3. Membantu menggubal dan menyeragam undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaras pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari masa ke masa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam;
4. Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara;
5. Menyelaraskan mekanisma penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan pentadbiran Hal Ehwal Islam di seluruh negara;
6. Membuat penilaian program-program Hal Ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini;
7. Bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam; dan
8. Melaksanakan usaha-usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

VISI

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah bertaraf dunia.

MISI

Meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah melalui tadbir urus serta sistem penyampaian perkhidmatan terbaik.

FUNGSI

1. Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosioekonomi ummah;
2. Merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah;
3. Menjalinkan kerjasama pintar dengan agensi-agensi Kerajaan serta GLC/ pihak swasta dalam pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah;
4. Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
5. Membantu dan memberi khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
 Aras 8-9, Blok D,
 Kompleks Islam Putrajaya (KIP), Jalan Tun Abdul Razak,
 Presint 3, 62100 Putrajaya.
 No. Telefon : 03-8883 7400
 No Faks : 03-8883 7406



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
(JKSM)**

Blok C, Komplex Islam Putrajaya, No. 20,
Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya
No. Telefon : 03-88709200
No Faks : 03-88709500

VISI

Peneraju Institusi Kehakiman dan Perundangan Syariah Dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara.

MISI

Memperkasakan Sistem Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Syariah Melalui Pengukuhan dan Penyeragaman Institusi Mahkamah Syariah.

FUNGSI

1. Mengendali kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia;
2. Membina dan menyelaraskan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di Mahkamah Syariah dan agensi-agensinya yang berkaitan melalui penetapan dasar, kaedah-kaedah, arahan amalan serta peraturan-peraturan;
3. Menyelaraskan dan memantau penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di Mahkamah Syariah untuk mempertingkatkan keberkesanan Mahkamah Syariah;
4. Mengurus pembangunan kompetensi dan keperluan modal insan di JKSM, Mahkamah Syariah dan agensi-agensinya berkaitan;
5. Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan Mahkamah Syariah melalui pendigitalan dan mempertingkatkan tadbir urus ICT di JKSM dan Mahkamah Syariah;
6. Memantau dan menilai program serta aktiviti berkaitan Perundangan Syariah di Mahkamah Syariah dan agensi-agensinya yang menerima pegawai dari skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan; dan
7. Menyedia ulasan dan khidmat nasihat berkaitan isu-isu perundangan Syariah kepada agensi Kerajaan dan triti-triti antarabangsa.

VISI

Peneraju Pengurusan Hal Ehwal Islam Secara Komprehensif ke Arah Kesejahteraan Ummah.

MISI

Memperkasakan Pengurusan Hal Ehwal Islam Secara Efisien Dan Efektif Berteraskan Maqasid Syariah Untuk Kesejahteraan Ummah.

FUNGSI

JAWI merupakan sebuah agensi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan pelaksana kepada dasar yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Manakala di peringkat persekutuan, JAWI berada di bawah tadbir urus Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang melaksanakan fungsi dalam bidang teras utama meliputi pengurusan dakwah, pengurusan masjid, penguatkuasaan undang-undang Syariah, pengurusan kekeluargaan Islam, pendidikan dan penyelidikan.



**JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
(JAWI)**

Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana,
50676 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-22749333
No Faks : 03-22731575

VISI

Peneraju dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah.

MISI

Merealisasikan agenda pembangunan ummah secara terancang dan menyeluruh.

FUNGSI

1. Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat

- i. Menyelaras dan melaksanakan tugas dalam membuat kutipan zakat di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- ii. Melaksanakan agihan zakat kepada asnaf yang layak mengikut hukum syarak; dan
- iii. Menggubal kaedah-kaedah Baitulmal dalam melaksanakan agihan zakat.

2. Melaksanakan Pembangunan Modal Insan

- i. Merancang dan melaksanakan tanggungjawab dalam menyediakan tempat tinggal kepada pelajar-pelajar yang kurang kemampuan untuk mendapatkan pendidikan;
- ii. Menyediakan dan melaksanakan institusi pendidikan kemahiran kepada golongan remaja selaras dengan keperluan semasa;
- iii. Membangun dan menyediakan kemudahan pembelajaran asas kanak-kanak melalui penubuhan tadika-tadika Islam; dan
- iv. Bertanggungjawab dalam membela nasib wanita yang bermasalah dan juga keluarga yang tiada tempat tinggal.

3. Melaksanakan Kegiatan Pembangunan Harta-Harta MAIWP

- i. Menubuhkan syarikat-syarikat yang berfungsi sebagai melaksanakan tugas-tugas MAIWP dan juga memenuhi tuntutan fardu kifayah yang memberi keuntungan kepada MAIWP;
- ii. Merancang dan berusaha untuk menambahkan harta MAIWP melalui pemilikan hartanah dan pelaburan-pelaburan yang berlandaskan syariah;
- iii. Menyediakan garis panduan yang jelas dalam urusan penubuhan syarikat dan juga pembangunan hartanah di MAIWP; dan
- iv. Memajukan tanah-tanah MAIWP untuk kepentingan ummah.



**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
(MAIWP)**
Aras G, 1, 7, 8, 9, 10, 11, 19, 20, 22,
Bangunan PERKIM, No. 150, Jalan Ipoh,
51200 Kuala Lumpur,
No. Telefon : 03- 4047 9444
No Faks : 03- 4044 9444

VISI

Peneraju dalam pengurusan fatwa bertaraf dunia yang efisien profesional dan diyakini dalam aspek Akidah, Syariah dan Tasawuf menjelang tahun 2025.

MISI

Memperkasakan pemahaman dan penghayatan Islam berlandaskan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qias ke arah melahirkan ummah yang wasatiy secara tuntas dan progresif.

FUNGSI

1. Membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan hukum syarak;
2. Mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak.
3. Mengeluarkan tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan;
4. Memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal-hal berkaitan Akidah, Syariah dan Akhlak;
5. Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan fatwa;
6. Memberi panduan dan perkhidmatan dalam hal ehwal falak merangkumi penetapan arah kiblat, takwim, waktu solat dan cerapan; dan
7. Membangun, mengurus dan memajukan sistem penyampaian maklumat berkaitan hukum syarak secara berkesan kepada masyarakat.



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN (PMWP)
Jabatan Perdana Menteri, Aras 5, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya, No.3,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.
No. Telefon : 03-8870 9000
No Faks : 03-8870 9101/ 9102



MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)
Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,
No. 71, Jalan Sri Hartamas 1, Taman Sri Hartamas,
50676 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-6205 7000
No Faks : 03-6205 7100

VISI

Menjadi mahkamah syariah yang berwibawa dan adil berteraskan perundangan Islam.

MISI

Melaksanakan pengurusan kehakiman dan perundangan syariah bagi memberi keadilan kepada orang Islam di Wilayah Persekutuan melalui penyampaian perkhidmatan yang berintegriti, sistematik dan holistik.

FUNGSI

1. Menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah mengikut undang-undang dan hukum syarak;
2. Menkuatkuasa dan melaksanakan perintah berasaskan undang-undang dan hukum syarak;
3. Menerima dan memutuskan kes-kes semakan;
4. Menerima, mendengar dan memutuskan permohonan faraid;
5. Memberi perkhidmatan rundingan pertemuan dan perdamaian (sulh);
6. Menguruskan rekod-rekod mahkamah berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa; dan
7. Mengendalikan kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah dan dana bantuan sokongan keluarga.

VISI

Menjadi agensi pendakwaan Syariah di Wilayah Persekutuan yang berintegriti dan berakuntabiliti.

MISI

Melaksanakan pendakwaan Syariah yang bebas, berkualiti, berintegriti dan selaras dengan hukum syarak dan juga peruntukan undang-undang Syariah.

FUNGSI

1. Menjalankan proses pendakwaan yang telus, bebas dan berintegriti ke atas pelaku-pelaku kesalahan jenayah Syariah di mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan berdasarkan bidang kuasa dan peruntukan undang-undang Syariah di bawah akta yang diguna pakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan; dan
2. Menjalankan aktiviti penyelidikan pembangunan kompetensi Pendakwa Syarie.



JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH MAHKAMAH PERSEKUTUAN (JAPENSWP)

Aras 4, Blok Podium,
Menara Usahawan, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62652 Putrajaya
No. Telefon : 03-8880 5087/5088/5182
No Faks : 03-8880 5119



LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)
Menara TH Tun Razak,
Lembaga Tabung Haji, 201,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
No. Telefon : 03-6207 1919

VISI

Tonggak Kejayaan Ekonomi Ummah; Pengurusan Haji Terbilang.

MISI

1. Memperkasa Ekonomi Ummah;
2. Sentiasa Giat Mencari Pelaburan Strategik Global dan Lokal bagi Pertumbuhan Berterusan;
3. Menggembleng dan Memperkaya Modal Pendeposit;
4. Memberi Perkhidmatan Cemerlang yang Berterusan;
5. Memudah dan Menyempurnakan Urusan Jemaah ke Arah Haji Mabrur; dan
6. Memberi Pulangan yang Kompetitif, Halal dan Toyyiban.

FUNGSI

1. Membantu mendapatkan haji yang mabrur dengan perbelanjaan yang berpatutan;
2. Menyelaraskan penerbangan haji yang menepati masa, selamat dan boleh diharap;
3. Menyediakan penginapan yang bersih dan selesa di Tanah Suci;
4. Menyelenggara akaun secara profesional dan mengawalinya secara sulit dan persendirian;
5. Melabur dalam bidang pelaburan yang halal, berhemat dan selamat supaya dapat memberi pulangan yang setanding dengan pasaran, di samping memastikan pertumbuhan yang berterusan;
6. Memberi layanan yang mesra, cepat dan cekap; dan
7. Memberi maklumat yang tepat, jelas dan terkini.

VISI

Menjadi Peneraju dalam pembangunan wakaf di Malaysia.

MISI

1. Menggunakan mekanisme wakaf selari dengan Maqasid Syariah yang keberhasilannya memberi manfaat untuk ummah sejagat;
2. Menjadi pengasas (trend-setter) dalam pembangunan wakaf yang akan menjadi rujukan seluruh dunia; dan
3. Memaksimakan pembangunan hartanah wakaf sedia ada dan meminimakan hartanah wakaf yang tidak dibangunkan.

FUNGSI

1. Mengumpul Dana Wakaf

- i. Melaksanakan program-program bagi mengisi dana Kumpulan Wang Amanah Yayasan untuk dijadikan modal ekonomi umat Islam.

2. Membangun dan Memajukan Harta Wakaf

- i. Bekerjasama dengan pihak yang terlibat seperti MAIN, IPTA dan IPTS untuk memaju dan membangunkan harta wakaf serta membuat kajian dan penyelidikan produk baru wakaf.

3. Melaksanakan Program Kebajikan Dan Sosial

- i. Merangka aktiviti yang berfaedah kepada umat Islam demi kebaikan hidup di dunia dan akhirat seperti biasiswa, bantuan kepada fakir miskin dan melaksanakan amanah pewakaf sebaik mungkin.

4. Menjalankan Program Pelaburan

- i. Membuat pelaburan ke atas dana Yayasan dan Wakaf Tunai Malaysia dalam sebarang pelaburan yang dibenarkan syarak sehingga pengagihan dilaksanakan.

5. Mengadakan Program Promosi Dan Penerbitan

- i. Mempromosi dan menganjurkan pelbagai persidangan, seminar dan sebagainya serta menerbitkan pelbagai risalah bagi mengembang industri wakaf.



YAYASAN WAKAF MALAYSIA (YWM)

Aras 8, Blok D,
Kompleks Islam Putrajaya,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3,
62100 Putrajaya
No. Telefon : 03-8871 0800 / 200
No Faks : 03-8861 0803



YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)
 Aras 3 & 4, Blok D,
 Kompleks Islam Putrajaya,
 No.3, Jalan Tun Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya
 No. Telefon : 03-8870 3870
 No Fax : 03-8870 3871

VISI

Peneraju gerakan dakwah di Malaysia secara inklusif dan bertindak sebagai sebuah badan dakwah bertaraf antarabangsa.

MISI

Menyebarkan kegiatan dakwah menerusi pendidikan, sosial dan kebajikan untuk meninggikan martabat Islam dan kesejahteraan ummah.

FUNGSI

1. Melahirkan Pendakwah yang berpengetahuan dan berkemahiran berasaskan kepada model Malaysia;
2. Menyelaraskan kegiatan NGO Islam dan rakan strategik dalam memasyarakatkan dakwah; dan
3. Menggalakkan masyarakat berlumba-lumba membuat kebaikan dengan memberi kefahaman, pengalaman dan penghayatan Islam melalui kegiatan dakwah dalam aspek pendidikan, sosial dan kebajikan.

VISI

Institusi unggul menerajui pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan berkesan bagi kesejahteraan ummah.

MISI

Komited dalam usaha memperkasa ekonomi ummah dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik, efisien dan berintegriti.

FUNGSI

1. Perusahaan Sosial
 - i. Pelaksanaan program-program perusahaan sosial yang berdaya saing, inovatif, efisien, berkualiti dan patuh Syariah yang memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat melalui penyediaan kemudahan pembiayaan mikro kredit, platform dan sokongan dalam pembangunan usahawan; dan
 - ii. Pelaksanaan aktiviti perusahaan yang dapat menjana keuntungan kepada institusi bagi memperkukuhkan kedudukan institusi melalui pengurusan kewangan dan pentadbiran yang cekap dan mengamalkan amalan tadbir urus yang baik.
2. Pembangunan Sosioekonomi dan Amal Jariah
 - i. Membudaya dan menyediakan prasarana yang mudah dan diyakini untuk masyarakat beramal jariah; dan
 - ii. Penyampaian sumbangan amal jariah kepada benifisiari dengan pelbagai pendekatan yang telus dan efektif serta bermanfaat kepada ummah.



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YAPEIM)
 No. 46E-1, Mentari Business Park, Jalan PJS 8/2
 Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor
 No. Telefon : 03-5614 9600
 No Fax : 03-5614 9601



ALHIJRAH MEDIA CORPORATION (TV ALHIJRAH)
 Pusat Penyiaran Digital TV AlHijrah, Kompleks Pusat Islam
 Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur.
 No. Telefon : 03-2028 1500
 No Faks : 03-2260 1566

VISI

Meneraju Penyampaian Nilai Islam.

MISI

Menerapkan Kefahaman & Menyatupadukan Ummah.

FUNGSI

Medium dakwah dan kefahaman Islam masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia umumnya.

VISI

Untuk menjadi institusi utama kefahaman Islam bertaraf antarabangsa.

MISI

1. Menjalankan penyelidikan yang bermanfaat besar dalam disiplin ilmu terpilih dengan menggunakan pelbagai kepakaran, sumber serta jaringan kerjasama bagi menghasilkan produk ilmiah melalui gerak kerja sistematik;
2. Memelihara, meningkat dan menyebarkan kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat melalui penganjuran program, penyiaran dan penerbitan pelbagai hasil ilmiah dengan memanfaatkan kepakaran, pengurusan sumber yang berkesan dan rangkaian kerjasama strategik; dan
3. Memberi khidmat nasihat dan perundingan yang bermutu dan berkesan kepada pemegang taruh melalui pengemblengan kepakaran, sistem, rangkaian kerjasama dan sumber secara optimum.

FUNGSI

1. Menjalankan penyelidikan yang melibatkan kajian menyeluruh dan bersepadu tentang peranan Islam dan umat Islam bagi menghadapi cabaran semasa yang timbul akibat daripada keadaan dunia yang kian berubah;
2. Menghasilkan bahan penerbitan, termasuk buku, majalah dan jurnal untuk bacaan umum dan golongan sasar;
3. Menganjurkan persidangan, seminar dan forum, perbincangan dalam mempelbagaikan percambahan fikiran bagi mencari penyelesaian perkara-perkara tertentu;
4. Bekerjasama dengan pertubuhan tempatan dan luar negara dalam menjalankan program-program bagi manfaat bersama. Menyelaraskan kegiatan NGO Islam dan rakan strategik dalam memasyarakatkan dakwah; dan
5. Menggalakkan masyarakat berlumba-lumba membuat kebaikan dengan memberi kefahaman, pengamalan dan penghayatan Islam melalui kegiatan dakwah dalam aspek pendidikan, sosial dan kebajikan.



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)
 No 12, Langgak Tunku,
 off Jalan Tuanku Abdul Halim
 50480 Kuala Lumpur
 No. Telefon : 03-6204 6200
 No Faks : 03-6201 1951



- Pihak Berkepentingan dan Pelanggan
- Isu dan Cabaran

PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN



ISU DAN CABARAN



Pemeriksaan Pendidikan Agama

- Penyelarasan dan penyeragaman KAFA.
- Pengadaptasian perubahan teknologi.
- Peningkatan institusi tahfiz dan sekolah swasta.



Pengurusan Teknologi dan Pendigitalan Maklumat

- Transformasi digital dan revolusi industri yang semakin berkembang.
- Pencegahan penyebaran maklumat palsu, kegemaran menimbulkan kontroversi.



Penguatan Pengurusan Pentadbiran Perundangan Islam

- Bidang kuasa mahkamah Syariah yang terhad.
- Penyeragaman perundangan syariah.



Pemeriksaan Institusi Keluarga, Sosial dan Masyarakat

- Perluasan peranan masjid sebagai pusat komuniti dan kecemerlangan ummah.



Pemantapan Kompetensi Dan Kepakaran Khusus

- Pembudayaan kerja berpanduan data.
- Peningkatan profesionalisme pendakwah, kemahiran mengurus yang berterusan.



Peningkatan Kerjasama Strategik dengan Pihak Berkepentingan

- Kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan / badan berkanun dalam pelaksanaan agenda keislaman dalam pelbagai bidang diteroka.
- Kebersamaan masyarakat Islam serantau.



Pembangunan Sosio Ekonomi Umat Islam

- Cabaran dalam meningkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan halal tempatan oleh pengusaha - pengusaha kecil dan sederhana.
- Pembangunan ekonomi asnaf.

Masjid Putra,
Putrajaya.





- Visi
- Misi
- Nilai Bersama
- Teras
- Fokus

MALAYSIA MADANI

VISI:
PENERAJU PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM DAN KESEJAHTERAAN MALAYSIA MADANI

MISI:
MEMACU TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM MELALUI
KERJASAMA STRATEGIK KE ARAH MALAYSIA MADANI

5 NILAI (5 "I")

1. ILMU 2. INTEGRITI 3. ITQAN 4. IKHLAS 5. ISTIQAMAH

5 TERAS

- PENTADBIRAN ISLAM MAMPAN
- KESEJAHTERAAN INSAN
- KEMULIAAN SYARIAH
- KEPIMPINAN BERDAYA CIPTA
- KEHORMATAN INSTITUSI

FOKUS 1

PENGISLAHAN DASAR DAN
TADBIR URUS INSTITUSI
ISLAM

FOKUS 2

PEMANTAPAN
PENYELIDIKAN DAN
PERSURATAN ISLAM

FOKUS 3

KEMAMPAKAN EKONOMI
DAN KEBAJIKAN SOSIAL
ISLAM

FOKUS 4

PENGUKUHAN
PERPADUAN UMMAH DAN
KEHARMONIAN TAMADUN

FOKUS 5

MEMARTABATKAN
PERUNDANGAN DAN
KEHAKIMAN ISLAM

FOKUS 6

PENGHAYATAN NILAI
MASYARAKAT MADANI

FOKUS 7

PENGUKUHAN
KEPIMPINAN GENERASI
MUDA DAN KOMUNITI

FOKUS 8

PEMERKASAAN MEDIA
DAN KESENIAN ISLAM

FOKUS 9

KEUNGGULAN
PENDIDIKAN ISLAM DAN
DAKWAH BERHIKMAH

FOKUS 10

PEMODENAN PRASARANA
INSTITUSI ISLAM

PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



BAB 04

RINGKASAN PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH

11
KEBERHASILAN

21
STRATEGI

31
PROGRAM

PENTADBIRAN
ISLAM
MAMPAN

KESEJAHTERAAN
INSAN

KEMULIAAN
SYARIAH

KEPIMPINAN
BERDAYA
CIPTA

KEHORMATAN
INSTITUSI
ISLAM

TERAS 1

TERAS 2

TERAS 3

TERAS 4

TERAS 5

KEBERHASILAN

2

3

2

1

3

STRATEGI

3

7

3

3

5

PROGRAM

8

8

3

5

7

TERAS1

PENTADBIRAN ISLAM MAMPAN



FOKUS 1

PENGISLAHAN DASAR DAN TADBIR URUS INSTITUSI ISLAM

Penilaian dan pembaharuan dasar dan tadbir urus hal ehwal Islam sejajar dengan maqasid syariah dan agenda pembangunan Malaysia MADANI meliputi peningkatan profesionalisme, kecekapan, inovasi tadbir urus serta tatakelola pentadbiran Islam yang cekap, telus, mesra dan berkualiti.

FOKUS 2

PEMANTAPAN PENYELIDIKAN DAN PERSURATAN ISLAM

Menyemarak penyelidikan ilmiah dan persuratan Islam menerusi pengukuhan program kajian, persidangan dan penerbitan ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya ilmu dan berbudi tinggi.

KETUA TERAS : JAKIM (BAHAGIAN PENYELIDIKAN)
 AGENSI PELAKSANA : JAKIM (BDKI, BHG. MAQASID SYARIAH, BHG.PENERBITAN, BHG.DAKWAH),
 JKSM, TV ALHIJRAH, YADIM, PMWP, JAWHAR, TABUNG HAJI

KEBERHASILAN 1: Pengurusan hal ehwal umat Islam yang efisien dan sepadu sejajar dengan Maqasid Syariah.

STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI/INISIATIF/PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
Strategi 1: Melaksanakan pengislahan dasar dan tatakelola meliputi peningkatan profesionalisme, kecekapan, pemusatan data dan pendigitalan sistem.	Program 1: Pelaksanaan Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI) di sektor awam PENYELARAS: JAKIM (BHG. DAKWAH)	1. Pelaksanaan Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI) sektor awam.	Bilangan program	11 program (setahun)	2023-2027	JAKIM (BHG. DAKWAH, JAKIM SARAWAK) YADIM
		2. Pemantauan Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI).	Peratus Penyediaan Mekanisme Pemantauan	100%	2023-2024	JAKIM (BHG.DAKWAH)
			Bilangan Pemantauan (laporan)	2 kali (setahun)	2024-2027	
	Program 2: Pelaksanaan Indeks MADANI (Program Pengukuran pencapaian Malaysia MADANI berpandukan Maqasid Syariah) PENYELARAS: JAKIM (BMS)	3. Penilaian Program Penghayatan Nilai-Nilai Islam (PNI) sektor awam.	Bilangan kajian	Sekali	2025-2026	JAKIM (BDKI)
		1. Pembangunan Indeks Maqasid Syariah (Kearah Malaysia MADANI)	Peratus Pembangunan Instrumen	100%	2023-2024	JAKIM (BMS)
		2. Penilaian/ Pengukuran Pencapaian	Peratus pengukuran secara berfasa	Fasa 1: Kajian Rintis (100%) Fasa 2: Kajian Pelaksanaan (100%)	2025 2026	JAKIM (BMS)

STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI/INISIATIF/PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
	Program 3: Pembangunan Projek i-Islam (Program Pangkalan Data Bersepadu HEI) PENYELARAS: JAKIM (BDKI)	1. Pangkalan Data Bersepadu (HEI)	Bilangan Sistem	1 Sistem	2024-2026	JAKIM (BDKI)
		2. Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan PMWP: a) e-Fatwa b) e-Tauliah c) e-Falak d) e-Artikel e) e-Kiblat f) e-Maktabah g) e-Solat Antarabangsa	Peratus pembangunan	100%	2023-2027	PMWP
		3. Penyediaan Harga Pasaran Emas Penentu Nilai Nisab Zakat untuk MAIN dan Agensi Mengurus Zakat.	Peratus penyediaan	100%	2023-2027	JAWHAR
		4. Pembangunan Dashboard Sistem Geospatial Tanah Wakaf JAWHAR bagi Majlis Agama Islam Negeri.	Bilangan negeri	2 negeri	2023-2027	JAWHAR
		5. Pembangunan SPPIM 2.0	Peratus Pembangunan	100%	2023-2025	JAKIM (BHG. KSK)
		6. Digitalisasi Bahan Perundangan dan Kehakiman Syariah	Bilangan Platform	1 Platform diwujudkan	2025	JKSM MSWP
	Program 4 Pengurusan Haji Terbilang PENYELARAS: TABUNG HAJI	1. Pengurusan Haji Tanah Air dan Tanah Suci	Indeks Kepuasan Pelanggan	CSI > 90%	2022-2024	TH
		2. Pengurusan Dana Pendeposit	Saiz dana Bilangan pendeposit TH Pengguna THiJARI	RM100bil. Melebihi 50% Penduduk Islam Malaysia Melebihi 4 juta	2022-2024	TH
		3. Pengurusan Pelaburan	Agihan Keuntungan Tahunan	Kadar Pulangan Islamik > IDR + 0.75%	2022-2024	TH

KEBERHASILAN 2: Pusat Kecemerlangan ilmiah dan persuratan Islam.

STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI/INISIATIF/PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
Strategi 1 Melestarikan kecemerlangan penyelidikan dan persuratan Islam.	Program 5: Penubuhan <i>Malaysia International Islamic Fiqh and Civilization Academy (MIIFCA)</i> – Akademi Antarabangsa Fiqh dan Tamadun Islam Malaysia (berfungsi sebagai pusat penyelidikan, persuratan dan penerbitan Islam) PENYELARAS: JAKIM (BHG. PENYELIDIKAN)	1. Penubuhan <i>Malaysia International Islamic Fiqh and Civilization Academy</i>	Peratus penubuhan secara berfasa	Fasa 1: Penubuhan (100%) Fasa 2: Pelaksanaan (100%)	2023 - 2025 2026 - 2027	JAKIM (BHG. PENYELIDIKAN) SEMUA AGENSI
		2. Penerbitan buku, jurnal, majalah secara fizikal dan digital	Bilangan penerbitan	100 bahan terbitan (setahun)	2023-2027	PMWP JAKIM (BHG. PENYELIDIKAN, BHG. PENERBITAN) JAWHAR YADIM
		3. Penjelasan hasil kajian	Bilangan Program	6 program (setahun)	2023-2027	PMWP JAKIM (BHG. PENYELIDIKAN) JAWHAR
	Program 6: Penubuhan Perpustakaan Awam Islam (<i>Bayt al-Hikmah</i>) (Program menaik	1. Penyelarasan Perpustakaan di bawah PTJ JAKIM	Peratus Penyelarasan	100%	2023-2027	JAKIM (BHG. PENERBITAN)
		2. Penyelarasan Perpustakaan di bawah Agensi Menteri di JPM (Hal Ehwal Islam)	Peratus Penyelarasan	100%	2023-2024	JAKIM (BHG. PENERBITAN)

STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI/INISIATIF/PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH	AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
	taraf perpustakaan JAKIM) PENYELARAS: JAKIM (BHG. PENERBITAN)	3. Pembangunan sebuah perpustakaan <i>Bayt al-Hikmah</i> di Putrajaya	Peratus Pembangunan secara berfasa	Fasa 1: Kelulusan (100%) Fasa 2 : Pembangunan (100%)	2024-2025 2025-2027	JAKIM (BHG. PENERBITAN)
Strategi 2: Memperkasakan promosi, capaian dan peningkatan jualan bahan-bahan ilmiah terbitan agensi hal ehwal Islam secara sepadu.	Program 7: Pelan Promosi dan Komunikasi Pemasaran Bersepadu Bahan Ilmiah Hal Ehwal Islam PENYELARAS: JAKIM (BHG. PENERBITAN)	1. Pembangunan Pelan Promosi dan Komunikasi Pemasaran Bersepadu Bahan Ilmiah Hal Ehwal Islam	Bilangan pelan	1 Pelan	2023-2025	JAKIM (BHG. PENERBITAN)
